

Headline	Eksport produk kayu mampu cecah RM22.5b		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	107,609
Page No	35	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,426
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,279



MOHD. Khairuddin Aman Razali melihat antara produk kayu yang dipamerkan sempena Program Perladangan Komuniti Negeri Sembilan di Batu Kikir, Jempol, semalam.

Eksport produk kayu mampu cecah RM22.5b

JEMPOL: Kerajaan menyasarkan nilai eksport produk berasaskan kayu berjumlah RM22.5 bilion, sama seperti tahun lepas walaupun menyedari industri produk kayu negara tahun ini turut terjejas akibat penularan pandemik Covid-19.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, nilai eksport produk kayu negara dijangkakan tahun ini tidak setinggi tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, nilai eksport itu diyakini mampu se-

tanding tahun lalu setelah pemain industri mula membuka aktiviti mereka.

"Jangkaan sehingga hujung tahun ini mungkin tidak setinggi tahun lepas, kira-kira RM22 bilion, tapi kita mengharapkan dengan pertumbuhan positif, aktiviti ekonomi mula dibuka, kalau tidak setanding mampu lebih lagi, itu kita harapkan.

"(Namun) bergantung kepada industri supaya lebih laju untuk menutup kerugian apabila tidak beroperasi selama tiga bulan. Kalau dapat setanding, itu

kejayaan. Kita tahu apabila tiga bulan tidak beroperasi, bukan hanya kita tapi negara lain juga tidak beroperasi juga," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Perladangan Komuniti di Negeri Sembilan dekat Batu Kikir di sini semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Khali Aziz Hamzah dan Pengerusi Persatuan Pekilang Panel Malaysia, Datuk Sheikh Othman Rahman.